

## *Imigresen gempur restoran gaji PATI*

**Kota Tinggi:** Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor menggempur premis makanan disyaki menggaji pendatang asing tanpa izin (PATI) menyaksikan 27 ditahan dalam beberapa serouan di di sekitar bandar raya ini Jumaat lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus, berkata operasi bermula jam 3 petang itu dilakukan hasil risikan pihaknya dan maklumat daripada orang awam.

“Pemeriksaan dilakukan ke atas pekerja warga asing dan majikan itu susulan aduan awam berhubung kegiatan menggaji PATI di premis-premis makanan.

“Hasil pemeriksaan mendapati seramai 27 pekerja warga asing ditahan atas pelbagai kesalahan imigresen termasuk tinggal lebih masa, penyalahgunaan pas serta bekerja tanpa permit sah,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Rusdi berkata, kesemua yang ditahan terdiri daripada 18 lelaki warga Myanmar, seorang lelaki warga Bangladesh, seorang lelaki warga Pakistan, seorang lelaki warga Nepal dan enam wanita warga Myanmar berusia antara 19 hingga 46 tahun.

Katanya, semua warga asing terbabit dipercayai bekerja sebagai pelayan restoran dan tukang masak di premis makanan berkenaan.

Katanya, semua yang ditahan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

“Kesemua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika bagi tujuan siasatan dan tindakan lanjut.

“Selain itu, tiga Borang 29 iaitu saman kepada saksi turut dikeluarkan bagi membantu siasatan,” katanya.